

MAHATHIR

1979

44

KUALA LUMPUR, 13 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAYSIA MEMPUNYAI PERAWIS ASAS UNTUK MENJADI SEBUAH NEGARA MAJU DI BIDANG EKONOMI DI RANTAU PASIFIK MENJELANG ABAD KE-21.

BELIAU MENYATAKAN DENGAN BAHAN MENTAHNYA, TENAGA DAN KEDUDUKAN YANG STRATEGIK DARI SEGI EKONOMI, MALAYSIA BERKEUPAYAAN MENYELESAIKAN PELBAGAI MASALAH YANG KINI MELANDA EKONOMI KEBANYAKAN NEGARA SEPERTI JEPUN.

DALAM ERTIKATA LAIN, MALAYSIA PUKAN SAHAJA SEBUAH NEGARA RAKAN PERDAGANGAN YANG BAIK MALAH BOLEH MEMBANTU MENGIMBANGKAN PERINDUSTRIAN JEPUN DALAM MENGHADAPI KRISIS TENAGA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERUCAP DEMIKIAN SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN KETIGA PERSATUAN EKONOMI MALAYSIA-JEPUN/PERSATUAN EKONOMI JEPUN-MALAYSIA (MAJECA/JAMECA) DI SINI HARI INI.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, MALAYSIA JUGA MEMILIKI LAIN-LAIN RAMUAN YANG MENJADIKANNYA RAKAN PERDAGANGAN DAN PERNIAGAAN YANG MENARIK BAGI JEPUN. -- BERSAMBUNG 1225/AI

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA: +KAMI MEMPUNYAI KAWASAN LUAS YANG SESUAI UNTUK KELUARAN BERASASKAN PERTANIAN SEPERTI YANG DIPERLUKAN OLEH JEPUN.

+KAMI JUGA MEMPUNYAI SEBUAH KERAJAAN YANG STABIL, TENAGA KERJA YANG MURAH DAN RAJIN DAN SATU SISTEM PERINDUSTRIAN, PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN BANK YANG KUKUH DAN YANG BOEH MENAMPUNG KEPERLUAN PERNIAGAAN MODEN.+

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN WALAUPUN MALAYSIA TIDAK SETANDING DENGAN JEPUN DARI SEGI EKONOMI, NEGARA INI TIDAK PULA KETINGGALAN DALAM BEBERAPA KEGIATAN EKONOMI TERTENTU.

SEBAGAI CONTOH, KATANYA, MALAYSIA MERUPAKAN NEGARA PENGELUAR TERBESAR BAGI GETAH, BIJIH, MINYAK SAWIT, LADA HITAM DAN SEJAK KEBELAKANGAN INI SIRKIT YANG BERSEPADU.

MALAYSIA JUGA BOLEH BERBANGGA KERANA MEMPUNYAI KILANG MEMOTONG DAN MENGILAP BERLIAN YANG TERBESAR DI DUNIA IAITU SATU PERUSAHAAN YANG TIDAK DIMILIKINYA DUA TAHUN LALU.

SEGALA KEJAYAAN INI MELAYAKKAN NEGARA INI BERSAINGAN, JIKA TIDAK PUN MENYERTAI, LAIN-LAIN GERGASI DI DUNIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGGESA SUPAYA DIKAJI SEMULA PERANAN NEGARA MEMBANGUN DALAM KONTEKS PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DI SELURUH DUNIA. -- BERSAMBUNG 1252/AI

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, MASANYA TELAH BERLALU DI BERLALU DI MANA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DIJANGKA HANYA MENGELUARKAN BAHAN-BAHAN MENTAH DAN APABILA MEREKA MEMULAKAN KEGIATAN PEKILANGAN, USAHA TERSEBUT TERHAD KEPADA PASARAN DALAM NEGERI SAHAJA.

BELIAU MENERANKAN PEMBUATAN UNTUK KEGUNAAN DALAM NEGERI SAHAJA TIDAK MENDATANGKAN TUKARAN ASING YANG DIPERLUKAN OLEH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

SEKIRANYA NEGARA MEMBANGUN MAHU BERKEMAMPUAN MEMBELI BARANG-BARANG SOFISTIKATED YANG DIPERLUKAN DARI NEGARA-NEGARA MAJU, MEREKA MESTILAH TURUT MENGAMBIL SAHAGIAN DALAM PERUSAHAAN YANG BERORIENTASIKAN EKSPORT.

BAGAIMANAPUN, NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TIDAK MEMPUNYAI TEKNOLOGI DAN MODAL YANG DIPERLUKAN UNTUK MEMAJUKAN PERUSAHAAN MEREKA SENDIRI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JIKA NEGARA MEMBANGUN INGIN TERUS KEKAL SEBAGAI PELANGGAN BAIK NEGARA-NEGARA MAJU, MEREKA TERPAKSA MEMPUNYAI LAIN-LAIN SUMBER PENDAPATAN SELAIN DARI BAHAN MENTAH.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYARANKAN SUPAYA SEMUA PIHAK MENERIMA KONSEP PEMBAHAGIAN KERJA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA DI DUNIA SEKIRANYA NEGARA MEMBANGUN INGIN MEMAJUKAN PERUSAHAAN MEREKA SERTA MENGELAKKAN PERSAINGAN HEBAT DENGAN NEGARA MAJU. -- BERSAMBUNG

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, PEMBAHAGIAN YANG DICADANGKAN ADALAH LEBIH SOFISTIKATED DARIPADA CORAK LAMA APABILA NEGARA-NEGARA LINGKUNGAN MENGELUARKAN BAHAN MENTAH DAN KEMUDIAN DIPROSES DI NEGARA-NEGARA PUSAT BAGI KEGUNAAN SENDIRI DAN UNTUK DIEKSPORT SEMULA KE NEGARA-NEGARA LINGKUNGAN.

+PEMBAGIAN YANG DISYORKAN IALAH SUPAYA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MENJADI PUSAT-PUSAT MEMPROSES DAN PERKILANGAN BERBAGAI BARANGAN PERTENGAHAN YANG SEMAKIN BERTAMBAH+. TAMBAHNYA.

KATANYA, MENERUSI PELABURAN DAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI DARI NEGARA-NEGARA MAJU, NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SENDIRI HARUS BENAR-BENAR MENGIMPORT BAHAN MENTAH DAN TENAGA DEMI UNTUK MENGELUARKAN BARANGAN PERTENGAHAN UNTUK DISKSPORT KE NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN TERMASUK NEGARA PELAPUR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KETIKA INI JEPUN MENGIMPORT ARANG BATU, BESI DARI AUSTRALIA DAN INDIA SERTA BAHANAPI DARI ASIA BARAT, UNTUK MENGELUARKAN BESI KEPING, BATANG DAN GULUNG UNTUK PASARAN JEPUN, ASIA TERMASUK ASIA TENGGARA, EROPAH DAN AMERIKA. --BERSAMBUNG 1347/BY

B538

MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

KATANYA, +ADALAH MENASABAH DARI SEGI EKONOMI UNTUK MEMBAWA BAHAN MENTAH DAN TENAGA KE MALAYSIA UNTUK MENGELUARKAN BARANGAN PERTENGAHAN DI MALAYSIA+.

KATANYA, DENGAN PENYERTAAN CERGAS DARI PIHAK JEPUN, INDUSTRI-INDUSTRI DI MALAYSIA KEMUDIAN BOLEH MENGISI KESEMUA PASARAN YANG SEBELUM INI DIKENDALIKAN DARI JEPUN.

INI IALAH LEBIH BAIK DARI PERSAINGAN TERBUKA BAGI PASARAN SEPERTI APA YANG TELAH BERLAKU APABILA SETENGAH-SETENGAH NEGARA MEMBANGUN MEMASUKI PASARAN DUNIA DAN BERSAING DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU. --BERNAMA 1350/BY

45